



NOTIS

(Notis Pertama)

Penggunaan Peralatan Penerimaan Satelit Penyiaran (12.50 GHz to 12.75 GHz)

Adalah dimaklumkan bahawa pengumuman kelas yang telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia di bawah seksyen 169 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 untuk peralatan penerimaan satelit penyiaran (*satellite broadcasting receiver device*) yang beroperasi dalam jalur frekuensi **12.50 GHz hingga 12.75 GHz** akan dibatalkan, **berkuat kuasa pada 1 Januari 2023**. Penggunaan peralatan tersebut dalam jalur frekuensi yang dinyatakan di atas tidak akan dibenarkan bermula daripada tarikh tersebut.

Oleh itu, sebarang pembelian dan/atau pengimportan peralatan penerimaan satelit penyiaran yang baharu yang beroperasi dalam jalur frekuensi yang dinyatakan di atas adalah tidak digalakkan.

Notis ini dikeluarkan menurut peraturan 28 Peraturan-Peraturan Komunikasi Dan Multimedia (Spektrum) 2000.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

**Bahagian Perancangan Spektrum dan Pengumuman
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**

MCMC HQ, Tower 1,
Jalan Impact, Cyber 6
63000 Cyberjaya, Selangor
Tel: +603 8688 8000

E-mel: class.assignment@mcmc.gov.my

www.mcmc.gov.my